

Headline	Industri buluh berpotensi dikembang di Swak		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	30 Nov 2014	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	5	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	573 cm ²
Journalist	Agnes Tugong	AdValue	RM 4,480
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,439



Industri buluh berpotensi dikembang di S'wak

la disokong permintaan tinggi terhadap produk, barangan berasaskan buluh di pasaran tempatan dan luar

Oleh Agnes Tugong

BAU: Industri buluh di negeri ini berpotensi untuk dikembangkan, disokong oleh permintaan tinggi terhadap produk dan barangan berasaskan buluh di pasaran tempatan dan luar.

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan Bumiputera) Datuk Mohd Naroden Majais yang optimis dengan perkara ini berkata buluh mempunyai banyak kegunaan selain praktikal dari segi penggunaannya.

Buluh katanya, bukan sahaja digunakan untuk penghasilan produk kraf tangan malah turut berpotensi dalam industri pembuatan makanan, perabot, produk kesihatan, bahan binaan, tekstil dan banyak lagi.

"Di negara membangun seperti China, permintaan terhadap produk buluh semakin meningkat malah China digelar sebagai 'Kingdom of Bamboo' dengan keluasan kawasan tanaman seluas 6.73 juta hektar pada 2011, menyumbang sebanyak 25 peratus kepada tanaman buluh dunia.

"Di Malaysia terdapat 70 spesies buluh dengan 20 daripada-



PRODUK BULUH: Naroden dan Nansian melihat produk-produk berasaskan buluh yang dipamerkan pada Seminar Pembangunan dan Potensi Produk Berasaskan Buluh di Bau semalam.

ya terdapat di Sarawak dengan kebanyakannya boleh ditemui di sepanjang kawasan Sematan hingga Betong," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Pembangunan dan Potensi Produk Berasaskan

Buluh di Dewan Jati Perkasa Kem PLKN Puncak Permai di sini semalam.

Seminar tersebut merupakan anjuran Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera Jabatan Ketua Menteri dengan kerjasama Institut Penyelidikan

“Di negara membangun seperti China, permintaan terhadap produk buluh semakin meningkat malah China digelar sebagai 'Kingdom of Bamboo' dengan keluasan kawasan tanaman seluas 6.73 juta hektar pada 2011, menyumbang sebanyak 25 peratus kepada tanaman buluh dunia.”

Datuk Mohd Naroden Majais
Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan Bumiputera)

Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat REDEEM.

Turut hadir, Menteri Muda Pembangunan Komuniti merangkap Pengerusi REDEEM dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tasik Biru Datuk Peter Nansian Ngusie.

Dalam pada itu melihat potensi buluh di kawasan Bau, beliau mencadangkan agar REDEEM menubuhkan satu atau dua pasukan khas untuk mencari sumber buluh untuk dibekalkan secara konsisten kepada pengusaha produk berasaskan buluh.

Dengan pendekatan ini katanya, para pengusaha industri

berasaskan buluh dapat memberi tumpuan dalam pengeluaran produk dalam pasaran tempatan dan luar.

Bagi memastikan sumber buluh yang berterusan, Naroden turut menyarankan agar penduduk memanfaatkan tanah yang dimiliki dengan membuka ladang buluh di kawasan masing-masing, berskala kecil atau besar.

Malah katanya REDEEM sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan bagi tanaman buluh juga harus menjalankan penyelidikan ke atas tanaman buluh bagi pembangunan industri hiliran.